

# Pengilang mahu jumlah had ambang pekerja tubuh PPV sendiri dihapus, kata MEF

By **Willie Jude** - August 29, 2021 8:00 PM



*Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) berkata, banyak kesulitan dihadapi dalam menubuhkan PPV di kilang termasuk syarat diberikan amat preskriptif dan tidak mudah dipenuhi.*

KOTA KINABALU: Pengilang perlu diberi kebenaran menubuhkan pusat pemberian vaksin (PPV) tanpa mengambil kira jumlah pekerja, kata Persekutuan Majikan Malaysia (MEF).

Presidennya, Syed Hussain Syed Husman berkata antara syarat penubuhan PPV terbabit meliputi syarat menetapkan sekurang-kurangnya 1,000 orang diberi vaksin.

Katanya, kerajaan wajar memberi kebenaran kepada kilang yang berhasrat memberi vaksin terhadap pekerja tanpa meletakkan had tertentu jumlah penerima.

"Menerusi pengalaman terdahulu, banyak kesulitan dihadapi dalam mewujudkan PPV di kilang kerana syarat-syarat diberikan adalah amat preskriptif dan tidak mudah dipenuhi.

"Sehubungan itu, diharapkan agar syarat-syarat penubuhan PPV di kilang dilonggarkan terutamanya 'threshold' sekurang-kurangnya 1,000 orang divaksin dapat dikaji kerana wajar bagi setiap kilang yang mahu memberikan vaksinasi kepada pekerja dapat diluluskan tanpa mengira jumlah pekerja terlibat," katanya kepada FMT.

Syed Hussain berkata, kementerian dan agensi terbabit juga perlu lebih praktikal dan fleksibel membantu majikan dan menterjemahkan saranan baik pihak atasan di lapangan.

"Dengan adanya saranan dari perdana menteri, majikan akan bekerjasama sepenuhnya dengan pihak berkuasa jika mereka fleksibel.

"MEF juga berharap agar diwujudkan segera satu "national hotline on Covid-19 vaccination" demi membolehkan majikan mempunyai masalah berkaitan berhubung dengan pihak berkuasa," katanya.

Sementara itu, Presiden Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM) Soh Thian Lai, berkata saranan dibuat Ismail itu sebenarnya telah pun dilaksanakan sebelum ini oleh Kementerian perdagangan antarabangsa dan industri (MITI).

Bagaimanapun katanya, usaha berkenaan dilihat kurang sesuai untuk syarikat lebih kecil, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Sehubungan itu, beliau berkata FMM lebih menggalakkan sekiranya satu program vaksinasi secara bergerak dilaksanakan untuk pekerja kilang.

"Bagi memastikan para pekerja kilang diberi vaksin secepat mungkin dan kos lebih rendah, FMM lebih menggalakkan program vaksinasi bergerak seperti menggunakan trak atau bas dilaksanakan.

"Langkah ini bukan saja mengatasi masalah pengangkutan dihadapi para pekerja untuk ke pusat vaksin, malah membantu kilang yang mana pekerjaanya masih belum menerima vaksin.

"Unit vaksinasi bergerak itu boleh ditubuhkan di kawasan perindustrian yang mempunyai banyak PKS bersama bilangan pekerja lebih kecil," katanya.

Terdahulu, Ismail menggesa sektor perkilangan mewujudkan PPV sendiri bertujuan mengelak insiden kesesakan di pusat berkenaan berulang.

Katanya, perkara itu juga sudah dimaklumkan kepada semua pemilik kilang, agar menubuhkan PPV sendiri dalam kawasan kilang masing-masing.

Beliau turut mencadangkan pemilik kilang agar membeli sendiri vaksin bagi mempercepatkan imuniti kelompok dalam kalangan pekerja mereka.